UNIT 2

# SURAH AL-BAQARAH AYAT 255

HAFAZAN

**Baca dan hayati.**






بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلۡحَيُّ ٱلۡقَيُّومُۚ لَا تَأۡخُذُهُۥ سِنَةٞ وَلَا نَوۡمٞۚ

لَّهُۥ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلۡأَرۡضِۗ مَن ذَا ٱلَّذِي يَشۡفَعُ عِندَهُۥٓ إِلَّا بِإِذۡنِهِۦۚ

يَعۡلَمُ مَا بَيۡنَ أَيۡدِيهِمۡ وَمَا خَلۡفَهُمۡۖ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيۡءٖ مِّنۡ عِلۡمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَۚ

وَسِعَ كُرۡسِيُّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضَۖ وَلَا يَـُٔودُهُۥ حِفۡظُهُمَاۚ وَهُوَ ٱلۡعَلِيُّ ٱلۡعَظِيمُ ٢٥٥



Buktikan keagungan Allah SWT melalui proses kejadian manusia.

**NOTA GURU**

- Bincang dengan murid tentang gambar di atas.
- Kaitkan proses kejadian manusia dengan Surah al-Baqarah ayat 255.

## Baca dengan betulnya.

### Surah al-Baqarah 2:255

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلۡحَيُّ ٱلۡقَيُّومُۚ لَا تَأۡخُذُهُۥ سِنَةٞ وَلَا نَوۡمٞۚ
لَّهُۥ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلۡأَرۡضِۗ مَن ذَا ٱلَّذِي يَشۡفَعُ عِندَهُۥٓ إِلَّا بِإِذۡنِهِۦۚ
يَعۡلَمُ مَا بَيۡنَ أَيۡدِيهِمۡ وَمَا خَلۡفَهُمۡۖ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيۡءٖ مِّنۡ عِلۡمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَۚ
وَسِعَ كُرۡسِيُّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضَۖ وَلَا يَـُٔودُهُۥ حِفۡظُهُمَاۚ وَهُوَ ٱلۡعَلِيُّ ٱلۡعَظِيمُ ٢٥٥

**NOTA GURU**

Bimbing murid membaca ayat di atas dengan betulnya.

2.1.1

## Mari hafaz bersama-sama.

1 ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلۡحَيُّ ٱلۡقَيُّومُۚ

2 لَا تَأۡخُذُهُۥ سِنَةٞ وَلَا نَوۡمٞۚ

3 لَّهُۥ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلۡأَرۡضِۗ

4 مَن ذَا ٱلَّذِي يَشۡفَعُ عِندَهُۥٓ إِلَّا بِإِذۡنِهِۦۚ

5 يَعۡلَمُ مَا بَيۡنَ أَيۡدِيهِمۡ وَمَا خَلۡفَهُمۡۖ

6 وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيۡءٖ مِّنۡ عِلۡمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَۚ

7 وَسِعَ كُرۡسِيُّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضَۖ

8 وَلَا يَـُٔودُهُۥ حِفۡظُهُمَاۚ

9 وَهُوَ ٱلۡعَلِيُّ ٱلۡعَظِيمُ ٢٥٥



**NOTA GURU**

Bimbing murid menghafaz potongan ayat secara latih tubi. 2.1.2

## Hafaz dengan lancarnya.

1

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلۡحَيُّ ٱلۡقَيُّومُۚ

لَا تَأۡخُذُهُۥ سِنَةٞ وَلَا نَوۡمٞۚ

2

لَّهُۥ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلۡأَرۡضِۗ

مَن ذَا ٱلَّذِي يَشۡفَعُ عِندَهُۥٓ إِلَّا بِإِذۡنِهِۦۚ

3

يَعۡلَمُ مَا بَيۡنَ أَيۡدِيهِمۡ وَمَا خَلۡفَهُمۡۖ

وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيۡءٖ مِّنۡ عِلۡمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَۚ

4

وَسِعَ كُرۡسِيُّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضَۖ

وَلَا يَـُٔودُهُۥ حِفۡظُهُمَاۚ وَهُوَ ٱلۡعَلِيُّ ٱلۡعَظِيمُ ٢٥٥

**NOTA GURU**

Minta murid menghafaz ayat di atas dengan betul dan lancarnya.

2.1.2

## Mari amalkan.

Amalkan membaca Surah al-Baqarah ayat 255 setiap kali melakukan aktiviti berikut:



Selepas solat fardu.

Sebelum tidur.



بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْحَيُّ ٱلْقَيُّومُ ۚ لَا تَأْخُذُهُۥ سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ ۚ
لَّهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ ۗ مَن ذَا ٱلَّذِى يَشْفَعُ عِندَهُۥٓ إِلَّا بِإِذْنِهِۦ ۚ
يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ۖ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَىْءٍ مِّنْ عِلْمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَ ۚ
وَسِعَ كُرْسِيُّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ ۖ وَلَا يَـُٔودُهُۥ حِفْظُهُمَا ۚ وَهُوَ ٱلْعَلِىُّ ٱلْعَظِيمُ ٢٥٥



Ketika bermusafir.

Ketika masuk ke rumah.



**NOTA GURU** 2.1.3

- Bimbing murid memahami pernyataan di atas.
- Ingatkan murid supaya mengamalkan bacaan Surah al-Baqarah ayat 255 dalam kehidupan harian.

## Minda Aktif

### Lancarkan Hafazanmu

Tandakan (✓) pada potongan ayat di bawah.

Panduan: Baca dengan lancarnya. Hafaz dengan lancarnya.

5 يَعۡلَمُ مَا بَيۡنَ أَيۡدِيهِمۡ وَمَا خَلۡفَهُمۡۖ

6 وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيۡءٖ مِّنۡ عِلۡمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَۚ

7 وَسِعَ كُرۡسِيُّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضَۖ

8 وَلَا يَـُٔودُهُۥ حِفۡظُهُمَاۚ وَهُوَ ٱلۡعَلِيُّ ٱلۡعَظِيمُ ٢٥٥

1 ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلۡحَيُّ ٱلۡقَيُّومُۚ

2 لَا تَأۡخُذُهُۥ سِنَةٞ وَلَا نَوۡمٞۚ

3 لَّهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلۡأَرۡضِۗ

4 مَن ذَا ٱلَّذِى يَشۡفَعُ عِندَهُۥٓ إِلَّا بِإِذۡنِهِۦۚ

**NOTA GURU**

- Bimbing murid menjalankan aktiviti di atas.
- Perbanyak halaman ini sebagai lembaran kerja.

## Laman Kreatif

### Hafiz Impian

Pilih dan tulis nombor pada potongan ayat yang betul.

☐ لَا تَأۡخُذُهُۥ سِنَةٞ وَلَا نَوۡمٞۚ

☐ وَلَا يَـُٔودُهُۥ حِفۡظُهُمَاۚ

Jalan Hafiz 2





☐ يَعۡلَمُ مَا بَيۡنَ أَيۡدِيهِمۡ وَمَا خَلۡفَهُمۡۖ

☐ لَّهُۥ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلۡأَرۡضِۗ

Jalan Hafiz 3

☐ وَلَا يَـُٔودُهُۥ حِفۡظُهُمَاۚ وَهُوَ ٱلۡعَلِيُّ ٱلۡعَظِيمُ ٢٥٥

☐ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيۡءٖ مِّنۡ عِلۡمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَۚ



Jalan Hafiz 6

☐ وَسِعَ كُرۡسِيُّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضَۖ

☐ لَّهُۥ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلۡأَرۡضِۗ



Jalan Hafiz 7



- [ ] ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلۡحَيُّ ٱلۡقَيُّومُۚ
- [ ] مَن ذَا ٱلَّذِى يَشۡفَعُ عِندَهُۥٓ إِلَّا بِإِذۡنِهِۦۚ

MULA



Jalan Hafiz 1

- [ ] مَن ذَا ٱلَّذِى يَشۡفَعُ عِندَهُۥٓ إِلَّا بِإِذۡنِهِۦۚ
- [ ] وَسِعَ كُرۡسِيُّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضَۖ



Jalan Hafiz 4

- [ ] وَسِعَ كُرۡسِيُّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضَۖ
- [ ] يَعۡلَمُ مَا بَيۡنَ أَيۡدِيهِمۡ وَمَا خَلۡفَهُمۡۖ



Jalan Hafiz 5



- [ ] وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيۡءٖ مِّنۡ عِلۡمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَۚ
- [ ] وَلَا يَـُٔودُهُۥ حِفۡظُهُمَاۚ وَهُوَ ٱلۡعَلِيُّ ٱلۡعَظِيمُ ٢٥٥



Jalan Hafiz 8

TAMAT

**NOTA GURU**

- Bimbing murid menjalankan aktiviti di atas.
- Perbanyak halaman ini sebagai lembaran kerja.

## Uji Minda 1

Lengkapkan potongan kalimah berpandukan jadual di bawah.

5. ______ ← مَا بَيْنَ ← أَيْدِيهِمْ ← ______

6. ______ ← بِشَيْءٍ ← ______ ← إِلَّا بِمَا شَآءَ

| | |
|---|---|
| وَسِعَ | وَمَا خَلْفَهُمْ |
| إِلَّا هُوَ | نَوْمٌ |
| ٱلْعَظِيمُ | ٱلْأَرْضِ |

7. ______ ← كُرْسِيُّهُ ← ______ ← وَٱلْأَرْضَ

8. وَلَا يَـُٔودُهُۥ ← ______ ← وَهُوَ ٱلْعَلِيُّ ← ______

1. ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ ← ______ ← ٱلۡحَيُّ ← ٱلۡقَيُّومُۚ

2. لَا تَأۡخُذُهُۥ ← سِنَةٞ ← وَلَا ← ______

| | |
|---|---|
| يَعۡلَمُ | حِفۡظُهُمَاۚ |
| يَشۡفَعُ | مِّنۡ عِلۡمِهِۦٓ |
| ٱلسَّمَٰوَٰتِ | وَلَا يُحِيطُونَ |

3. لَّهُۥ مَا ← فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ ← وَمَا فِي ← ______

4. مَن ذَا ٱلَّذِي ← ______ ← عِندَهُۥٓ ← إِلَّا بِإِذۡنِهِۦۚ

NOTA GURU
- Bimbing murid menjalankan aktiviti di atas.
- Perbanyak halaman ini sebagai lembaran kerja.

HAFAZAN

## Uji Minda 2

Susun dan tulis semula potongan ayat yang betul mengikut padanan bentuk yang sesuai.

| | | | |
|---|---|---|---|
| وَلَا يُحِيطُونَ | كُرْسِيُّهُ | يَعْلَمُ | مِّنْ عِلْمِهِۦٓ |
| وَسِعَ | مَا بَيْنَ | ٱلسَّمَٰوَٰتِ | وَلَا يَـُٔودُهُۥ |
| حِفْظُهُمَاۚ | بِشَيْءٍ | ٱلْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾ | إِلَّا بِمَا شَآءَۚ |
| وَمَا خَلْفَهُمْۖ | وَٱلْأَرْضَۖ | أَيْدِيهِمْ | وَهُوَ ٱلْعَلِيُّ |

3

| | | | |
|---|---|---|---|
| ____________ | ____________ | ____________ | ____________ |
| ____________ | ____________ | ____________ | ____________ |

4

| | | | |
|---|---|---|---|
| ____________ | ____________ | ____________ | ____________ |
| ____________ | ____________ | ____________ | ____________ |

HAFAZAN

| | | | |
|---|---|---|---|
| يَشْفَعُ | ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ | مَن ذَا ٱلَّذِى | نَوْمٌ |
| وَلَا | لَّهُۥ مَا | إِلَّا هُوَ | وَمَا |
| ٱلْحَىُّ | فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ | ٱلْقَيُّومُ | عِندَهُۥٓ |
| فِى ٱلْأَرْضِ | لَا تَأْخُذُهُۥ | إِلَّا بِإِذْنِهِۦ | سِنَةٌ |

1

| | | | |
|---|---|---|---|
| ________ | ________ | ________ | ________ |
| ________ | ________ | ________ | ________ |

2

| | | | |
|---|---|---|---|
| ________ | ________ | ________ | ________ |
| ________ | ________ | ________ | ________ |

**NOTA GURU**

- Bimbing murid menjalankan aktiviti di atas.
- Perbanyak halaman ini sebagai lembaran kerja.

## Uji Minda 3

Lengkapkan potongan kalimah berpandukan pilihan jawapan yang disediakan.

| | | |
|---|---|---|
| يَعۡلَمُ مَا بَيۡنَ أَيۡدِيهِمۡ | يَشۡفَعُ عِندَهُۥٓ إِلَّا بِإِذۡنِهِۦۚ | سِنَةٌ وَلَا نَوۡمٌۚ |
| مِّنۡ عِلۡمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَۚ | لَّهُۥ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ | |

1 لَا تَأۡخُذُهُۥ ____________________

2 وَمَا فِي ٱلۡأَرۡضِۗ ____________________

3 مَن ذَا ٱلَّذِي ____________________

4 وَمَا خَلۡفَهُمۡۖ ____________________

5 وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيۡءٍ ____________________

**NOTA GURU**

- Bimbing murid menjalankan aktiviti di atas.
- Perbanyak halaman ini sebagai lembaran kerja.

# UNIT 3

# SURAH AL-MAIDAH AYAT 90

**Perhatikan dan fikirkan.**





Mengapakah umat Islam dilarang meminum arak dan bermain judi?

**NOTA GURU**

Bersoal jawab dengan murid tentang gambar di atas.

## Baca dan fahami.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِنَّمَا ٱلۡخَمۡرُ وَٱلۡمَيۡسِرُ وَٱلۡأَنصَابُ وَٱلۡأَزۡلَٰمُ رِجۡسٞ
مِّنۡ عَمَلِ ٱلشَّيۡطَٰنِ فَٱجۡتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمۡ تُفۡلِحُونَ ٩٠

Maksud: "Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala dan menilik nasib dengan anak panah ialah perkara keji yang termasuk perbuatan syaitan. Maka hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya."

(*Surah al-Maidah 5:90*)








### INFO

**Sebab turun ayat:**

Ayat ini diturunkan kerana peristiwa dua suku kaum Ansar yang hidup harmoni. Walaupun begitu, mereka gemar meminum arak dan sering bergaduh kerana mabuk sehingga meninggalkan parut di muka. Ekoran daripada itu, timbullah permusuhan yang secara tidak langsung merenggangkan ikatan kekeluargaan.

**NOTA GURU**

- Bimbing murid membaca ayat dengan betulnya.
- Fahamkan murid maksud Surah al-Maidah ayat 90.

3.1.1

## Baca dan renungkan.

Setiap manusia perlu menjauhkan diri daripada perbuatan haram yang memusnahkan kehidupan.

### Pengajaran Surah al-Maidah Ayat 90



Allah SWT mengingatkan orang yang beriman supaya menjauhi judi kerana kerugian dan kemudaratannya yang besar kepada manusia.



Islam menegah penganutnya menyembah dan memuja sebarang objek atau sesuatu selain Allah SWT kerana merosakkan akidah.



Setiap Muslim diharamkan meminum arak kerana ini perbuatan keji dan boleh menjatuhkan maruah serta martabat manusia.



Orang Islam hendaklah menjauhkan diri daripada menilik nasib kerana itu perbuatan syirik.

**NOTA GURU**

- Bincang dengan murid tentang pengajaran Surah al-Maidah ayat 90.
- Tanamkan pengajaran daripada ayat ini dalam diri murid.

3.1.2

Baca dan hayati.



# Empat Perkara Haram yang Memusnahkan Kehidupan

## 1 Arak

Semua jenis minuman yang mengandungi alkohol dan memabukkan serta menghilangkan kewarasan akal.



### Contoh Perbuatan

- Meminum
- Menjual
- Memproses
- Menghidang
- Menganjurkan
- Mengeluarkan lesen

## 2 Judi

Sejenis permainan yang menggunakan wang, harta dan sebagainya dengan tujuan pertaruhan untuk mendapatkan keuntungan yang mudah tanpa perlu berusaha.




### Contoh Perbuatan

- Bermain
- Menganjurkan
- Menjual
- Bersubahat
- Mengeluarkan lesen

## 3 Penyembahan Berhala

Perbuatan memuja atau menyembah patung dan sesuatu objek yang dipercayai mempunyai kuasa yang lebih tinggi atau luar biasa.



### Contoh Perbuatan

- Menyembah
- Memuja
- Beriktikad
- Mempercayai
- Menghormati

## 4 Tenung Nasib

Perbuatan meramal masa hadapan atau hal-hal ghaib yang tidak diketahui oleh seseorang.



### Contoh Perbuatan

- Meramal
- Menganjurkan
- Bersubahat
- Meyakini
- Menilik

**INFO**

Permainan dalam talian yang berunsur judi, pemujaan dan penyembahan berhala juga diharamkan kerana bertentangan dengan akidah Islam.

**NOTA GURU**

Bimbing murid memahami perbuatan haram yang memusnahkan kehidupan.

3.1.3

## Baca dan hayati.

Allah SWT menegah hamba-Nya daripada melakukan perbuatan haram kerana kesannya yang negatif terhadap individu, keluarga, masyarakat dan negara.





**Akibat Melakukan Perbuatan Haram**

### Individu

- Jauh daripada mengingati Allah SWT.
- Tanggungjawab kepada diri terabai.
- Hilang kewarasan akal dan memudaratkan kesihatan diri.
- Mewujudkan sikap pentingkan diri.
- Menjadi individu yang tamak dan malas berusaha.
- Terdedah kepada godaan syaitan.





### Keluarga

- Tanggungjawab kepada keluarga terabai.
- Keluarga menjadi porak-peranda.
- Perceraian antara suami dan isteri.
- Kasih sayang terhadap anak-anak terabai.
- Pengabaian terhadap pendidikan anak-anak.
- Kedudukan ekonomi keluarga tergugat.



## Masyarakat

- Mencetuskan perpecahan.
- Berlaku keruntuhan moral.
- Mendedahkan masyarakat kepada perbalahan.
- Kegiatan jenayah berleluasa.
- Masyarakat tidak produktif dan berdaya saing.
- Melahirkan masyarakat yang pemalas.



## Negara

- Perkembangan Islam terbantut.
- Negara akan menjadi mundur dan ketinggalan.
- Dipandang rendah oleh negara luar.
- Terdedah kepada musibah akibat kemurkaan Allah SWT.
- Kekacauan dan huru-hara akan berlaku.
- Sosioekonomi negara akan terjejas.

**NOTA GURU**

- Bersoal jawab dengan murid akibat melakukan perbuatan haram.
- Galakkan murid mengeluarkan pendapat.

3.1.4

**Baca dan amalkan.**

## Cara Menghindarkan Diri daripada Perbuatan Haram





1 Memenuhi aktiviti harian dengan perkara yang mendatangkan kebaikan.

3 Berusaha menjauhkan diri daripada perbuatan haram yang menyebabkan kemurkaan Allah SWT.

5 Berkawan dengan individu yang boleh membawa diri kepada kebaikan dan menjauhkan diri daripada terjebak dengan pelaku maksiat.

7 Ikhlas melakukan amal ibadah serta mempelajari ilmu agama.

**2** Menghadirkan diri di tempat-tempat yang disukai oleh Allah SWT seperti majlis ilmu.

**4** Sentiasa mengingatkan diri akan perkara yang disukai oleh Allah SWT dan meninggalkan kemungkaran.

**6** Yakin akan konsep pahala dan dosa serta perhitungan pada hari akhirat.







**INFO**

Maksud firman Allah SWT:

"Pada hari lidah, tangan dan kaki mereka menjadi saksi terhadap diri mereka sendiri, tentang segala yang dilakukan oleh mereka."

(*Surah al-Nur 24:24*)

**NOTA GURU**

Minta murid menyatakan cara-cara lain menghindarkan diri daripada perbuatan haram. 3.1.5

## Minda Aktif 1

### Tonjolkan Kebijaksanaanmu

**Pelaksanaan**

1. Murid dibahagikan kepada dua kumpulan.
2. Guru menyediakan kertas dan alat tulis.
3. Setiap kumpulan diberi satu soalan perbincangan.
4. Setiap kumpulan perlu melakukan perbincangan dan membentangkan hasilnya.
5. Paparkan hasil pembentangan di belakang kelas.
6. Guru membuat penilaian terhadap hasil kerja murid.




**Soalan**

1. Bincangkan akibat melakukan perbuatan haram.
2. Bagaimanakah cara untuk mengelakkan diri kita daripada melakukan perbuatan haram?

**NOTA GURU**

- Pastikan semua murid terlibat dalam aktiviti ini.
- Bimbing murid melakukan aktiviti di atas.

## Minda Aktif 2

### Maklumat Rahsia

**Pelaksanaan**

1. Sediakan maklumat dan masukkannya ke dalam kotak.
2. Bahagikan murid kepada dua kumpulan dengan bilangan ahli yang sama.
3. Ahli kumpulan yang pertama daripada setiap kumpulan perlu memilih satu maklumat dan menghafalnya serta menyampaikannya kepada peserta kedua.
4. Peserta kedua akan menyampaikan maklumat tersebut kepada peserta seterusnya.
5. Peserta terakhir akan menulis maklumat yang diterima pada borang yang disediakan.
6. Aktiviti diulangi sehingga kesemua maklumat diisi.
7. Borang yang berjaya diisi akan diserahkan kepada guru untuk dibuat semakan.

**Maklumat**

- Jauh daripada mengingati Allah SWT.
- Tanggungjawab kepada keluarga terabai.
- Mencetuskan perpecahan dalam masyarakat.
- Perkembangan Islam terbantut.
- Hilang kewarasan akal dan memudaratkan kesihatan diri.
- Kasih sayang terhadap anak-anak terabai.
- Berlaku keruntuhan moral dalam masyarakat.
- Negara akan menjadi mundur dan ketinggalan.

**Akibat Melakukan Perbuatan Haram**

| | | |
|---|---|---|
| Individu | 1. ________ | 2. ________ |
| Keluarga | 1. ________ | 2. ________ |
| Masyarakat | 1. ________ | 2. ________ |
| Negara | 1. ________ | 2. ________ |

**NOTA GURU**

Bantu murid menjalankan aktiviti sehingga selesai.

## Laman Kreatif

### Lambungan Bijak



**Pelaksanaan**

1. Guru menentukan giliran permainan.
2. Murid membuat lambungan duit syiling untuk menentukan kumpulan soalan yang akan dijawab. Hasil lambungan ditentukan berdasarkan kriteria berikut:
   (a)  untuk set soalan berwarna biru.
   (b)  untuk set soalan berwarna hijau.
3. Murid perlu memilih satu soalan sahaja bagi setiap pusingan.
4. Murid yang berjaya menjawab soalan dengan betulnya akan mendapat markah seperti yang tertera pada soalan.
5. Guru akan membuat penilaian terhadap jawapan yang diberikan.
6. Murid diminta untuk menyalin soalan dan jawapan pada buku latihan selepas aktiviti.

**SOALAN**

| Biru | Hijau |
|---|---|
| (4 markah)<br>Terangkan satu daripada akibat melakukan perbuatan haram kepada negara. | (2 markah)<br>Apakah maksud judi dan arak? |
| (6 markah)<br>Huraikan tiga cara menjauhi perbuatan haram. | (1 markah)<br>Sebutkan perbuatan haram yang memusnahkan kehidupan. |
| (8 markah)<br>Jelaskan empat akibat melakukan perbuatan haram kepada individu. | (8 markah)<br>Baca Surah al-Maidah ayat 90 berserta terjemahannya. |

**NOTA GURU**

Aktiviti boleh diubah suai mengikut kreativiti.

## Uji Minda 1

Lengkapkan pengajaran ayat di bawah.

**Pengajaran Surah al-Maidah Ayat 90**

Allah SWT mengingatkan orang yang beriman supaya menjauhi perbuatan judi kerana kerugian dan kemudaratannya yang besar kepada manusia.

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

**NOTA GURU**

- Perbanyak halaman ini sebagai lembaran kerja.
- Bincangkan jawapan dengan murid.

## Uji Minda 2

**Jawab semua soalan.**

1. Apakah maksud Surah al-Maidah ayat 90? (3 Markah)
   (i) ..................................................
   (ii) ..................................................
   (iii) ..................................................

2. Nyatakan tiga pengajaran yang boleh didapati daripada Surah al-Maidah ayat 90. (6 markah)
   (i) ..................................................
   (ii) ..................................................
   (iii) ..................................................

3. Senaraikan empat perbuatan haram berdasarkan maksud Surah al-Maidah ayat 90. (4 Markah)
   (i) ..................................................
   (ii) ..................................................
   (iii) ..................................................
   (iv) ..................................................

4. Perbuatan haram meninggalkan kesan negatif kepada individu, keluarga, masyarakat dan negara. Jelaskan satu akibat bagi setiap satu daripadanya. (8 Markah)
   ..................................................
   ..................................................
   ..................................................
   ..................................................

5. Berikan dua contoh cara menghindarkan diri daripada melakukan perbuatan haram. (4 Markah)
   (i) ..................................................
   (ii) ..................................................

**NOTA GURU**

Aktiviti ini boleh dilakukan mengikut kesesuaian.